

**HELAIAN MAKLUMAT PRODUK**

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kemudahan Pinjaman Bersandarkan Cagaran Resit Simpanan Tetap. Sila pastikan anda juga membaca terma yang tertera di surat tawaran. Sila dapatkan penerangan sekiranya anda inginkan penjelasan tentang maklumat yang terdapat di dokumen ini atau mengenai sebarang terma.

**KEMUDAHAN PINJAMAN  
BERSANDARKAN CAGARAN RESIT  
SIMPANAN TETAP**

Tarikh : \_\_\_\_\_

**1. Apakah produk ini?**


Ini adalah kemudahan perbankan iaitu pembiayaan berjangka atau overdraf bersandarkan cagaran Simpanan Tetap yang ditawarkan kepada pemegang Simpanan Tetap kepada namanya sendiri atau pihak ketiga.

**2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?**

No.	Perkara	Butiran
i.	Jumlah Pinjaman	Minimum: RM1,000.00 Maksimum: Limit sehingga had margin pembiayaan yang dibenarkan berdasarkan jumlah pelaburan
ii.	Margin Pembiayaan	Sehingga 100%
iii.	Kadar Faedah	KAS + 3.65% Kadar Asas Standard (KAS) adalah 3.00% berkuatkuasa dari 8 Mei 2023
iv.	Tempoh Pinjaman	Bergantung kepada Resit Simpanan Tetap yang disandarkan, tertakluk pada terma dan syarat.

**3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?**

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022. KAS disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu KAS = KDS) dan semua Kadar Pinjaman Asas (KPA) dan Kadar Asas (KA) sedia ada secara bergilir-gilir ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KA dan KPA akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam KDS seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

**4. Sejarah penanda aras Kos Dana (COF) untuk 3 tahun yang lalu.**


Nota: Garis putus-putus menunjukkan sejarah KDS, iaitu kadar penanda aras KAS

### 5. Apakah tanggungjawab saya?

- i. Anda hendaklah memastikan bayaran kadar faedah bulanan dibayar dalam masa yang telah ditetapkan.  
Nota: Faedah yang dikenakan adalah bergantung kepada jumlah penggunaan (baki tertunggak)
- ii. Contoh 1: Pengiraan di bawah adalah berdasarkan andaian seperti berikut
- Jumlah pinjaman adalah RM50,000 dengan penggunaan penuh
  - Tempoh pinjaman adalah 3 tahun
  - Kadar faedah adalah KAS + 3.65% setahun (Kadar Efektif 6.65% setahun)

Kadar Faedah	KAS: 3.00% (Kadar Efektif: 6.65%)	Jika KAS meningkat 1.00%: KAS: 4.00% (Kadar Efektif: 7.65%)	Jika KA meningkat 2.00%: KAS: 5.00% (Kadar Efektif: 8.65%)
Jumlah faedah bulanan	RM 277	RM 319	RM 360
Jumlah faedah yang dibayar pada akhir tahun ke 3	RM 9,975	RM 11,475	RM 12,975
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tahun ke 3	RM 59,975	RM 61,475	RM 62,975

- Kadar faedah sebulan ialah RM 277 (berdasarkan penggunaan penuh had kemudahan)
- Jumlah faedah keseluruhan untuk tempoh tiga tahun ialah RM 9,975

*Penting: Kadar faedah bulanan yang perlu dibayar dan/atau jumlah faedah yang perlu dibayar pada akhir tahun ke 3 mungkin berbeza mengikut perubahan kadar faedah Semasa bagi Kadar Asas Standard (KAS) dan/atau tertakluk kepada jumlah penggunaan Overdraft(OD).*

### 6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Dokumen	Caj
i.	<u>Dokumen Perjanjian:</u> i. Surat Tawaran ii. Surat "Set Off" iii. Memorandum cagaran ke atas deposit	<u>Duti Setem:</u> i. RM10.00 ii. RM10.00 iii. Ad valorem RM5.00 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya
ii.	Yuran Komitmen	1% setahun akan dikenakan ke atas bahagian kemudahan yang tidak digunakan jika jumlah overdraf yang diberikan kepada pelanggan melebihi RM250,000.00.

**7. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

<b>Caj Bayaran Lewat</b>	Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak dari tarikh keingkaran (tertakluk kepada tempoh 7 hari) sehingga tarikh penerimaan pembayaran oleh Bank.
<b>Kadar Kemungkiran</b>	Sekiranya berlaku kegagalan (tidak membayar) tiga (3) bulan pembayaran faedah semasa pembayaran ansuran bulanan, kami berhak untuk menukar Kadar yang Ditetapkan kepada KAS + 6.15% setahun yang dikira dari jumlah tertunggak dari semasa ke semasa dengan memberi notis. Kadar faedah untuk Kemudahan akan kembali ke Kadar yang Ditetapkan setelah anda menyelesaikan sepenuhnya semua pembayaran tertunggak di bawah fasiliti ini.
<b>Hak Penjualan</b>	Kami berhak menjual/mencairkan mana-mana atau semua sekuriti untuk menyelesaikan baki pinjaman jika berlaku Kejadian Mungkir. Sekiranya masih lagi terdapat jumlah pinjaman tertunggak (kekurangan) apabila semua cagaran telah dijual/dicairkan, anda dikehendaki untuk membuat pembayaran untuk menyelesaikan baki hutang dalam akaun overdraf ini, jika tidak tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda.
<b>Hak Penolakan</b>	Kami mempunyai hak untuk mendebit sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan pihak kami terhadap apa-apa baki tertunggak dalam akaun overdraf ini.
<b>Tindakan Undang-Undang</b>	Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda dalam keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan jumlah kekurangan defisit bayaran bulanan (jika ada).</li> <li>• Kegagalan untuk bertindak terhadap notis peringatan.</li> </ul> Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebankan anda pada masa hadapan. Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk apa-apa tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh pihak kami.

**8. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pinjaman ini sebelum tamat tarikh tempoh pembayaran?**

Tiada sebarang caj penalti akan dikenakan bagi penyelesaian awal pinjaman.

**9. Adakah saya memerlukan perlindungan insuran?**

- Perlindungan insurans adalah tidak diwajibkan untuk kemudahan bercagar penuh.
- Adalah digalakkan untuk pelanggan mengambil perlindungan insurans dari Insurans Panel Bank (Etiqa Family Berhad) atau pengendali insurans lain yang diluluskan oleh pihak Bank.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan kami yang berdekatan dengan anda.

**11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di cawangan Maybank yang terdekat.
- Sebagai alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2616 7766  
E-mail: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

iii. Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Malayan Banking Berhad  
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan  
Tingkat 28, Menara Maybank  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Tel: 03-20748075  
Email: [cfm@maybank.com](mailto:cfm@maybank.com)

iv. Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my) Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## 12. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Anda boleh kunjungi cawangan Maybank terdekat atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300-88-6688 atau rujuk laman web kami untuk maklumat di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).

## 13. Apakah pakej kemudahan overdraf bersandarkan cagaran lain yang ditawarkan?

- Kemudahan overdraf bersandarkan Amanah Saham Bumiputera (ASB)/Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan)/Amanah Saham Nasional (ASN)

**NOTA PENTING: PIHAK BANK BERHAD MENJUAL/MENCAIRKAN SEKURITI YANG DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK JIKA BERLAKU KEJADIAN MUNGKIR. TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA UNTUK MENYELESAIKAN JUMLAH PINJAMAN YANG TERHUTANG.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Mei 2023

### Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

### Pelanggan :

Tandatangan:

Nama:

No. KP: